



JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Blok A, Tingkat 8 - 11,
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,
88400 Kota Kinabalu, Sabah



Tel.: 088-368397 Faks: 088-211392 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS:

100-4/10 Jld.8/(92)

Tarikh :

21 Mac 2025

Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan

PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BIL. 6 TAHUN 2025 TATACARA MENGAKAUNKAN TERIMAAN HASIL MELALUI MODUL BAHARU SISTEM eRESIT UNTUK SEMUA WAKIL PEMUNGUT

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan garis panduan bagi pelaksanaan pengurusan terimaan hasil menggunakan Sistem eResit di peringkat Kementerian, Jabatan dan Pejabat Daerah sebagai wakil pemungut. Ini untuk memastikan transaksi diakaunkan dengan betul dan teratur dalam tempoh yang telah ditetapkan.
- 1.2 Pekeliling ini menggantikan Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Sabah Bil. 12 Tahun 2021 berkaitan pelaksanaan Modul eResit. Penggunaan Resit Am JBN.41 (Pindaan 2021) hanya terhad kepada pejabat pembayar seperti Ibu Pejabat Jabatan Bendahari Negeri, Jabatan Mengakaun Sendiri (JMS) dan Bendahari Cawangan.

2. LATARBELAKANG

- 2.1 **Proses Semasa (Manual)** - Resit JBN.07b, Penyata Pemungut Hasil JBN. 08 (Pindaan 1/2015) dan Buku Tunai.
 - 2.1.1. Resit JBN.07b dan Penyata Pemungut Hasil JBN.08 (Pindaan 1/2015) dikeluarkan secara manual. Wakil pemungut hasil mengeluarkan resit bertulis tangan semasa menerima bayaran, dan terimaan tersebut direkodkan dalam buku tunai oleh pegawai lain.

“SABAH MAJU JAYA”



Rujukan : 100-4/10 Jld.8/(92)

Tarikh : 21 Mac 2025

**PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BIL. 6 TAHUN 2025
TATACARA MENGAKAUNKAN TERIMAAN HASIL MELALUI MODUL BAHARU
SISTEM eRESIT UNTUK SEMUA WAKIL PEMUNGUT**

2.1.2. Selepas terimaan dikreditkan ke Akaun Bank Kerajaan, penyata pemungut hasil (JBN.08 Pindaan 1/2015) disediakan dan dihantar ke Seksyen Pengurusan Dana (SPD), Jabatan Bendahari Negeri atau Pusat Pembayaran (*PayCentre*) untuk pengeluaran resit rasmi JBN.41 (Pindaan 2021). Transaksi ini kemudiannya direkodkan dalam Sistem eLejar dan Buku Vot.

2.2 **Proses Baharu** - Resit JBN.07b, Penyata Pemungut Hasil (Pin.1/2023) dan Buku Tunai menggunakan sistem eResit.

2.2.1 Sistem eResit menjana resit JBN.07b (Pindaan 1/2023), Penyata Pemungut Hasil JBN.08 (Pin. 1/2023) dan Buku Tunai secara automatik.

2.2.2 SPD atau Pusat Pembayar akan menjana Resit Am JBN.41 (Pindaan 2021) setelah menerima data secara atas talian daripada wakil pemungut hasil.

2.2.3 Sekiranya berlaku gangguan seperti bekalan elektrik atau capaian internet, resit JBN.07b boleh dikeluarkan secara manual.

2.2.4 Wakil pemungut hasil wajib mendaftarkan semula terimaan manual ke dalam Sistem eResit sebaik keadaan pulih.

3. Penetapan kuasa dan tugas, dan kebenaran khusus secara bertulis

3.1 Selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 53, Pegawai Pengawal bertanggungjawab memastikan kutipan Wang Awam dikendalikan dengan teratur. Apa-apa penetapan kuasa kepada pegawai lain hendaklah dibuat secara bertulis tanpa melepaskan tanggungjawab Pegawai Pengawal.

3.2 Mengikut AP 69, pegawai yang menguruskan Wang Awam atau Aset Awam dikategorikan sebagai Pegawai Perakaunan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957.

3.3 Pegawai Pengawal mesti memastikan hanya pegawai yang diberi kebenaran khusus secara bertulis boleh menerima Wang Awam.

3.4 Penggunaan ID dan kata laluan hendaklah mematuhi peraturan berikut:

...3/-

Rujukan : 100-4/10 Jld.8/(91)

Tarikh : 21 Mac 2025

**PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BIL. 6 TAHUN 2025
TATACARA MENGAKAUNKAN TERIMAAN HASIL MELALUI MODUL BAHARU
SISTEM eRESIT UNTUK SEMUA WAKIL PEMUNGUT**

3.4.1 ID pengguna tidak boleh dikongsi atau disalahgunakan.

3.4.2 Pemilik ID bertanggungjawab menjaga kerahsiaan dan keselamatan kata laluan.

4. Tanggungjawab Kementerian, Jabatan dan Pejabat Daerah

4.1 Pegawai Pengawal perlu melantik kakitangan dengan akses kepada Sistem eResit mengikut peranan berikut:

4.1.1 Paras 1 - Juruwang/*Data Entry*

- i. Mendaftarkan terimaan dalam Sistem eResit dan menghantar kepada pegawai pengesah sebelum resit JBN.07b dijana.
- ii. Menghantar Penyata Pemungut Hasil (JBN.08 Pindaan 1/2023) setelah disahkan oleh pegawai pengesah/*authoriser*.
- iii. Menyimpan fail yang dimuat turun dalam "*External Storage*" atau "*Cloud Storage*" atau
- iv. Menyimpan salinan JBN.07b(Pin.1/2023) secara teratur.

4.1.2 Paras 2 - Pengesah/*Authoriser*

- i. Mengesahkan resit yang didaftarkan oleh juruwang.
- ii. Bertanggungjawab membatalkan Resit Rasmi JBN.07b (Pindaan 1/2023) jika perlu.
- iii. Menyelenggara daftar penggunaan eResit sebagai kawalan dalaman.
- iv. Memastikan ketepatan data yang dimasukkan.

4.2 Selaras dengan AP 60, Resit Rasmi mesti dikeluarkan serta-merta semasa urusan dan diserahkan kepada pembayar pada hari yang sama atau selewat-lewatnya pada hari bekerja berikutnya.

Rujukan : 100-4/10 Jld.8/(92)

Tarikh : 21 Mac 2025

**PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BIL. 6 TAHUN 2025
TATACARA MENGAKAUNKAN TERIMAAN HASIL MELALUI MODUL BAHARU
SISTEM eRESIT UNTUK SEMUA WAKIL PEMUNGUT**

- 4.3 Kelewatan penghantaran Penyata Pemungut Hasil JBN.08 (Pin. 1/2023) kepada Jabatan Bendahari Negeri akan menyebabkan Wang Awam dikreditkan ke akaun utama Kementerian, Jabatan atau Pejabat Daerah di bawah kod K79 150 160208 790100 00000000 00000. Sebarang pembetulan perlu dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab.

5. Peralihan Ke Sistem eResit secara berperingkat

- 5.1 Peralihan kepada modul baharu Sistem eResit dilaksanakan secara berperingkat kepada semua Kementerian, Jabatan, Pejabat Daerah dan JMS. Pada masa ini, enam (6) Kementerian, Jabatan dan Pejabat Daerah berikut sedang menjalani percubaan (trial run), dan pelaksanaan sistem ini akan diperluaskan kepada agensi lain mulai 1 Julai 2025.

- 5.1.1 Kementerian Kewangan Negeri Sabah
- 5.1.2 Jabatan Bendahari Negeri Sabah
- 5.1.3 Jabatan Keretapi Negeri Sabah
- 5.1.4 Jabatan Perikanan Negeri Sabah
- 5.1.5 Pejabat Daerah Beaufort
- 5.1.6 Pejabat Bendahari Cawangan Beaufort

6. Manual Pengguna

- 6.1 Manual pengguna bagi wakil pemungut (Lampiran 1) dan pejabat pembayar (Lampiran 2) disertakan untuk rujukan.

7. Tarikh Kuatkuasa

- 7.1 Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 1 Julai 2025.

- 7.2 Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan:

- Arahan Perbendaharaan;
- Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri 1/2021;
- Peraturan penyimpanan buku tunai dan salinan resit pemungut hasil dan
- Peraturan berkaitan yang sedang berkuat kuasa.

...5/-

“SABAH MAJU JAYA”

Rujukan : 100-4/10 Jld.8/(92)

Tarikh : 21 Mac 2025

**PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BIL. 6 TAHUN 2025
TATACARA MENGAKAUNKAN TERIMAAN HASIL MELALUI MODUL BAHARU
SISTEM eRESIT UNTUK SEMUA WAKIL PEMUNGUT**

7.3. Pekeliling berikut adalah dibatalkan:

7.3.1 Surat Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri 4/2015 - Pindaan
Penyata Pemungut Hasil JBN 08 (Pindaan 1/2015)

7.3.2 Surat Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri 6/2008, Pematuhan
Kepada Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri Sabah Bil.ACGEN
A/207/21 Bertarikh 25 November 1993, Buku Tunai Pemungut
Hasil

8. PENUTUP

8.1 Sebarang pertanyaan berkaitan pelaksanaan pekeling ini boleh
dirujuk kepada Ketua Penolong Bendahari Negeri, (Bahagian Operasi
Pusat), Jabatan Bendahari Negeri di nombor 088-368367 atau e-mel
DgSablinah.Sabli@sabah.gov.my atau Penolong Bendahari Negeri,
Seksyen Pengurusan Dana, Jabatan Bendahari Negeri melalui e-mel
Norfadzlina.AbdMuluk@sabah.gov.my

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“MALAYSIA MADANI”



(DATUK MARY ANGELA SIPAUN C.A.(M), FCPA(Aust), CPFA, ASEAN CPA)
Bendahari Negeri

s.k. YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
Tingkat 28, Blok A, Menara Kinabalu
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU

...6/-

“SABAH MAJU JAYA”

Rujukan : 100-4/10 Jld.8/(92)

Tarikh : 21 Mac 2025

**PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BIL. 6 TAHUN 2025
TATACARA MENGAKAUNKAN TERIMAAN HASIL MELALUI MODUL BAHARU
SISTEM eRESIT UNTUK SEMUA WAKIL PEMUNGUT**

Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan Negeri Sabah
Blok C, Menara Kinabalu
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU

Pengarah
Jabatan Kerja Raya
Jalan Sembulan
Peti Surat 128
88592 KOTA KINABALU
(u.p: Ketua Penolong Pengarah, Cawangan Akaun)

Pengarah
Jabatan Pertanian
Wisma Pertanian, Jln Tasik
Beg Berkunci 2050
88632 KOTA KINABALU
(u.p: Ketua Akauntan)

Ketua Konservator Hutan
Jabatan Perhutanan
Beg Berkunci 68
90009 SANDAKAN
(u.p: Ketua Akauntan)

Pengarah
Jabatan Tanah Dan Ukur
Beg Berkunci 2044
88576 KOTA KINABALU
(u.p: Ketua Akauntan)

Pengarah
Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
Tingkat 7, PPNS
88400 KOTA KINABALU
(u.p:Puan Norainie Matali)
Puan Nurhafiza binti Yazulla)

Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri
Blok A, Tingkat 8
IT Operation Centre, (ITOC)
PPNS, Jalan Sulaman, Teluk Likas
88400 KOTA KINABALU

“SABAH MAJU JAYA”

JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

MANUAL PENGGUNA SISTEM ERESIT V2 MODUL JBN07B & JBN08

Wakil Pemungut

Isi Kandungan

1. Pendaftaran Resit (Jbn07b)	2
2. Senarai Jbn08	5
3. Penjanaaan Jbn08	6
4. Maklumat Jbn08.....	7
5. Pengesahan Jbn08 oleh Penyelia Sistem	9
5.1 Penolakan Jbn08	10
5.2 Pengesahan Jbn08	12
6. Penghantaran Jbn08.....	13
7. Penetapan Stesen Bendahari Cawangan (BC) / Jabatan Bendahari Negeri (JBN).....	16

1. Pendaftaran Resit (Jbn07b)

Modul pendaftaran resit Jbn07b digunakan untuk mendaftar resit yang baru. Untuk membuat proses ini, pengguna perlu memasukkan data-data yang diperlukan seperti gambarajah 1.1. Jika semua data telah dimasukkan, pengguna perlu menekan sistem akan mengeluarkan mesej seperti gambarajah 1.2 yang menunjukkan bahawa resit telah berjaya didaftarkan.

[illegible]

Gambar rajah 1.1



Gambar rajah 1.2

Apabila resit Jbn07b telah berjaya dijana, sistem akan automatik membuka tettingkap baru untuk cetakan resit seperti gambar rajah 1.3. Pengguna hanya perlu menekan butang *Print* untuk meneruskan proses cetakan dan sistem akan memuat turun resit secara automatik ke dalam komputer pengguna. Cetakan resit perlu dicetak pada kertas A4.

[illegible]

Gambar rajah 1.3

2. Senarai Jbn08

Gambar rajah 1.4 menunjukkan senarai Jbn08 yang telah dijana oleh pengguna apabila pengguna menekan pautan Senarai Jbn08 seperti gambar rajah 1.5. Dalam menu ini, terdapat kolom status yang menunjukkan status setiap Jbn08 yang telah dijana oleh pengguna. Status baru menunjukkan bahawa Jbn08 baru sahaja dijana dan perlukan pengesahan dari penyelia sistem. Kolom resit menunjukkan no siri resit yang telah didaftarkan oleh Bendahari Cawangan atau Jabatan Bendahari Negeri. Jika resit belum didaftarkan, tanda '-' akan terpapar pada kolom resit.



Gambar rajah 1.4



Gambar rajah 1.5

3. Penjanaaan Jbn08

Penjanaaan Jbn08 merupakan proses yang telah ditambah dalam sistem Eresit bagi menggantikan borang Jbn08 yang diisi oleh pengguna bagi mengumpul jumlah pungutan setiap hari secara manual. Proses ini telah ditambah ke dalam sistem Eresit pada bahagian menu penutupan harian. Jika pengguna melakukan proses penutupan harian, sistem akan auto jana Jbn08 secara digital. Pemakluman penjanaaan Jbn08 boleh dirujuk pada gambar rajah 1.6. Penjanaaan Jbn08 akan dihantar kepada penyelia sistem bagi membuat proses pengesahan. Walaubagaimanapun, pengguna masih boleh mengakses maklumat Jbn08 pada menu Jbn08 (Rujuk gambar rajah 1.7)



Gambar rajah 1.6

Tarikh	Status	Amaun (RM)	Resit	Tindakan
2024-08-08	Baru	30.50	-	Pilih
2024-08-07	Sah	25.20	-	Pilih
2024-08-06	Resit	930.00	000001	Pilih
2024-08-06	Resit	930.00	000002	Pilih
2024-08-02	Resit	129.65	000001	Pilih

Gambar rajah 1.7

4. Maklumat Jbn08

Informasi Jbr08 PDKB240513

BC/JBN: -

Status: Baru

Tarikh: 13/05/2024

Jumlah Amaun: 530.50

Kod Hasil	Tunai	Slip Bank	Online Banking	Jumlah
S001201508010000000000000000071501	30.50	0.00	0.00	30.50
S001201508010000000000000000071401	500.00	0.00	0.00	500.00

No Slip Bank

Slip Bank

456566

162183.pdf

Cetak

Gambar rajah 1.8

Dalam paparan maklumat Jbn08 ini, pengguna boleh mencetak borang Jbn08 dengan menekan butang [Cetak](#) . Sistem akan memuat turun borang Jbn08 seperti gambar rajah 1.9. Pengguna hanya perlu menekan butang *keep* jika mesej seperti gambar rajah 1.10 keluar pada browser pengguna.



Gambar rajah 1.10

Gambar rajah 1.9

5. Pengesahan Jbn08 oleh Penyelia Sistem

Pengesahan Jbn08 yang telah dijana oleh pengguna perlulah dilakukan oleh penyelia sistem. Jika terdapat Jbn08 yang baru dijana oleh pengguna, sistem Eresit akan menghantar notifikasi secara automatik kepada penyelia sistem apabila penyelia telah log masuk ke dalam sistem seperti gambar rajah 1.11.



Gambar rajah 1.11

Informasi Jbn08 PDKB240513

BC/JBN: -

Status: Baru

Tarikh: 13/05/2024

Jumlah Amaun: 530.50

Kod Hasil	Tunai	Slip Bank	Online Banking	Jumlah
S001201508010000000000000071501	30.50	0.00	0.00	30.50
S001201508010000000000000071401	500.00	0.00	0.00	500.00

No Slip Bank
456566

Slip Bank
162183.pdf

Cetak

Sah

Tolak

Gambar rajah 1.12

Terdapat 2 fungsi yang boleh dilakukan oleh penyelia sistem apabila Jbn08 telah berjaya dijana oleh pengguna. Fungsi tersebut adalah proses penolakan Jbn08 dan proses pengesahan Jbn08.

5.1 Penolakan Jbn08

Jika penyelia sistem ingin menolak Jbn08, penyelia perlulah menekan butang **Tolak** (rujuk gambar rajah 1.12) dan paparan penolakan akan dipaparkan seperti gambar rajah 1.13. Penyelia perlu mengisi maklumat penolakan di dalam kotak yang telah disediakan dan tekan butang **Tolak** untuk meneruskan proses penolakan Jbn08. Jika proses penolakan berjaya dibuat, sistem akan mengeluarkan mesej seperti gambar rajah 1.14.

Penolakan

Maklumat penolakan:

Tutup Tolak

Gambar rajah 1.13

Info

Jbn08 telah berjaya ditolak.

Close

Gambar rajah 1.14

Status Jbn08 yang telah ditolak akan berubah menjadi tolak dan maklumat penolakan akan dipaparkan dalam menu ini. Rujuk gambar rajah 1.15.

Informasi Jbn08 PDKB240704

BCUJBN: -

Status: Tolak

Tarikh: 04/07/2024

Jumlah Amaun: 1,925.00

Kod Hasil	Tunai	Slip Bank	Online Banking	Jumlah
S001622314010000000000000071105	1.00	0.00	0.00	1.00

No Slip Bank Slip Bank

Maklumat Penolakan

Tolak

Cetak

Gambar rajah 1.15

Pemakluman penolakan Jbn08 akan diberikan kepada pengguna apabila pengguna log masuk ke dalam sistem (rujuk gambar rajah 1.16).



Gambar rajah 1.16

Jika penyelia sistem telah menolak Jbn08 yg sudah dijana, penyelia sistem hendaklah melakukan proses baikpulih penutupan harian bagi membolehkan pengguna menyemak semula resit-resit yang telah dikeluarkan pada hari tersebut.

5.2 Pengesahan Jbn08

Pengesahan Jbn08 perlulah dilakukan oleh penyelia sistem jika data-data resit yang dikeluarkan pada hari tersebut dan baki amaun yang dibawa ke hadapan adalah tepat. Pengesahan Jbn08 boleh dibuat dengan menekan butang  dan sistem akan automatik melakukan proses pengesahan Jbn08. Jika proses pengesahan berjaya dibuat, sistem akan mengeluarkan mesej seperti gambar rajah 1.17.



Gambar rajah 1.17

Status Jbn08 yang telah disahkan juga akan berubah kepada sah dimana pengguna sudah boleh melakukan penghantaran Jbn08 kepada Bendahari Cawangan atau Jabatan Bendahari Negeri untuk pengeluaran resit Jbn41b.

Informasi Jbn08 PDKB240513

BC/JBN:	-		
Status:	Sah	Tarikh:	13/05/2024
		Jumlah Amaun:	530.50

Gambar rajah 1.18

6. Penghantaran Jbn08

Penghantaran Jbn08 adalah wajib dilakukan oleh pengguna setelah mendapat pengesahan daripada penyelia sistem. Jika Jbn08 telah berjaya disahkan oleh penyelia sistem, sistem Eresit akan menghantar notifikasi secara automatik kepada pengguna seperti gambar rajah 1.19. Status Jbn08 yang disahkan juga akan terpapar bersama kod Jbn08. Pengguna perlulah menekan pautan pada notifikasi tersebut untuk memaparkan maklumat lengkap Jbn08.



Gambar rajah 1.19

Untuk melakukan proses penghantaran Jbn08, pengguna perlulah menekan pautan Hantar Jbn08 ke BC/JBNHQ seperti gambar rajah 1.20. Sistem akan memaparkan menu Penghantaran Jbn08 ke BC/JBNHQ seperti gambar rajah 1.21.



Gambar rajah 1.20

Pengantaran JBN08 ke BC/JBNHQ

Tarikh:

BC/JBNHQ : BENDAHARI CAWANGAN KOTA BELUD

Slip Bank

Bil.	No. Slip Bank	Slip Bank
1.		Choose File No file chosen +

Gambar rajah 1.21

Pada menu ini, pengguna perlulah mengisi tarikh dan no slip bank bayaran bersama lampiran slip bank untuk dikemukakan kepada Bendahari Cawangan atau Jabatan Bendahari Negeri. Jika terdapat lebih dari satu slip bank bayaran, pengguna boleh menambah slip bank dengan menekan butang  seperti gambar rajah 1.22. Jika pengguna ingin menghapuskan row slip bank, pengguna perlulah menekan butang .

Slip Bank

Bil.	No. Slip Bank	Slip Bank
1.		Choose File No file chosen +
2.		Choose File No file chosen x

Gambar rajah 1.22

Lampiran slip bank dan no slip bank wajib diisi jika proses penghantaran Jbn08 dilakukan. Jika pengguna tidak mengisi kedua-dua row, mesej seperti gambar rajah 1.23 akan dipaparkan pada skrin.

Nombor slip bank bilangan (1) tidak sah.

Gambar rajah 1.23

Jika penutupan harian belum dilaksanakan pada hari tersebut, sistem akan memaparkan mesej seperti gambar rajah 1.24.

Penutupan Harian belum dilaksanakan.

Gambar rajah 1.24

7. Penetapan Stesen Bendahari Cawangan (BC) / Jabatan Bendahari Negeri (JBN)

Fungsi Pertukaran BC/JBN merupakan fungsi yang dibangunkan bagi membantu penyelia sistem menetapkan stesen Bendahari Cawangan atau Jabatan Bendahari Negeri dimana Jbn08 akan dihantar. Bagi melakukan proses penetapan BC/JBN ini, penyelia sistem perlu log masuk ke dalam sistem Eresit dan menekan pautan Bendahari Daerah pada menu sistem (Rujuk gambar rajah 1.25).



Gambar rajah 1.25

Sistem akan memaparkan menu Bendahari Daerah yang berada dalam mod *show* dimana penyelia tidak boleh mengubah data-data yang berkaitan (rujuk gambar rajah 1.26). Jika pengguna ingin menukar maklumat stesen Bendahari Cawangan atau Jabatan Bendahari Negeri, penyelia perlu menekan **Ubah** dan mod akan berubah menjadi mod *change* (rujuk gambar rajah 1.27).

Bendahari Daerah

Informasi Baki Ke Hadapan Tindakan

Code:	03
Station:	01
Jabatan:	182
PTJ:	-
Description:	PEJABAT DAERAH KOTA BELUD
Name:	Test
Address 1:	Test
Address 2:	Test
Tel:	1234
Fax:	1234
Email:	test@gmail.com
Mesin:	000099
Bank:	A
Name Bank:	N
Path:	
Year:	2024

Bendahari Cawangan/JBNHQ (Jbn08): BENDAHARI CAWANGAN KOTA BELUD

Ubah

Gambar rajah 1.26

Bendahari Daerah

Informasi [Balik Ke Halaman](#) [Tindakan](#)

Code:	03
Station:	01
Jabatan:	162
PTJ:	-
Description:	PEJABAT DAERAH KOTA BELUD
Name:	Test
Address 1:	Test
Address 2:	Test
Tel:	1234
Fax:	1234
Email:	test@gmail.com
Mesin:	000099
Bank:	A
Nama Bank:	N
Path:	
Year:	2024

Bendahari Cawangan/JBNHQ (Jbn08): BENDAHARI CAWANGAN KOTA BELUD

Simpan

Gambar rajah 1.27

Penyelia hanya perlu memilih BC/JBN dimana Jbn08 akan dihantar seperti gambar rajah 1.28 dan tekan butang maklumat stesen Bendahari Cawangan atau Jabatan Bendahari Negeri yang dipilih.

Simpan

untuk menyimpan

Bendahari Cawangan/JBNHQ (Jbn08):

BENDAHARI CAWANGAN KOTA BELUD

Gambar rajah 1.28

JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

MANUAL PENGGUNA SISTEM BCCASH/ERESIT V2 MODUL JBN08

Bendahari Cawangan/ Jabatan Bendahari Negeri

Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah
8-7-2024

Isi Kandungan


1. Senarai Jbn08	2
2. Maklumat Jbn08	3
3. Penghantaran Jbn08 dari Wakil Pemungut	5
4. Pengeluaran Resit (Jbn41)	6
5. Pertukaran Stesen Bendahari Cawangan (BC) / Jabatan Bendahari Negeri (JBN)	10

1. Senarai Jbn08

Gambar rajah 1.1 menunjukkan senarai Jbn08 yang telah dihantar oleh wakil pemungut apabila pengguna telah menekan pautan Senarai Jbn08 seperti gambar rajah 1.2. Dalam menu ini, terdapat kolum status yang menunjukkan status Jbn08 yang telah dihantar. Status baru menunjukkan bahawa Jbn08 baru sahaja dihantar kepada Bendahari Cawangan atau Jabatan Bendahari Negeri. Kolum resit menunjukkan no siri resit yang telah didaftarkan di bawah Jbn08. Jika resit belum didaftarkan di bawah Jbn08, tanda '-' akan terapar pada kolum resit.



Gambar rajah 1.1



Gambar rajah 1.2

2. Maklumat Jbn08

Jika pengguna ingin mengetahui maklumat lengkap Jbn08 yang telah dihantar, pengguna perlulah menekan pautan pilih pada kolum tindakan dan sistem akan memaparkan maklumat lengkap Jbn08 seperti gambar rajah 1.3.

Informasi Jbn08 PDKB240513

Pemungut: PEJABAT DAERAH KOTA BELUD

Status: Baru

Tarikh: 13/05/2024

Jumlah Amaun: 530.50

Kod Hasil	Tunal	Slip Bank	Online Banking	Jumlah
S001201508010000000000000071501	30.50	0.00	0.00	30.50
S001201508010000000000000071401	500.00	0.00	0.00	500.00

No Slip Bank
456566

Slip Bank
162183.pdf

Cetak

Keluarkan Resit

Tukar BCGJBN

Gambar rajah 1.3

Dalam paparan maklumat Jbn08 ini, pengguna boleh mencetak borang Jbn08 dengan menekan butang **Cetak**. Sistem akan memuat turun borang Jbn08 seperti gambar rajah 1.4. Pengguna hanya perlu menekan butang **keep** jika mesej seperti gambar rajah 1.5 keluar pada browser pengguna.



PENYATA PENUNGGUT HASIL

BENDAHARI CAWANGAN KOTA BELUD

JBN.08 (Pin. 1/2023)
PNS:
NO SLIP: PDRB240513

Saya akui menerima amaun sebanyak **RM 530.50** sebagai pungutan wang awam yang dipungut oleh **PETABAT DAERAH KOTA BELUD** pada **13 May 2024**.

BIL	KOD HASIL	MOD TERIMAAN (RM)			JUMLAH
		TUNAI	CHEK/DRAF BANK/ WANG POS	ATAS TALLAN	
1	500 120 150801 000000 00000000 71501	30.50	0.00	0.00	30.50
2	500 120 150801 000000 00000000 71401	500.00	0.00	0.00	500.00
JUMLAH		530.50	0.00	0.00	530.50

Bersama ini disertakan Wang/Slip bayaran masuk bank bernombor: _____

Disediakan Oleh: **PenyeliaKB**
Pendafatar KB
13/05/2024 09:44:20

Dihantar Oleh: **Pendafatar KB**
13/05/2024 09:50:36

Penyata ini adalah cetakan komputer dan tidak memerlukan tandatangan



Gambar rajah 1.5

Gambar rajah 1.4

Selain itu pengguna juga boleh memuat turun slip bank bayaran yang telah dilampirkan bersama dengan Jbn08 yang dihantar seperti gambar rajah 1.6.

No Slip Bank	Slip Bank
456566	162183.pdf

Gambar rajah 1.6

3. Penghantaran Jbn08 dari Wakil Pemungut

Penghantaran Jbn08 dari wakil pemungut adalah wajib bagi setiap resit Jbn41 yang akan dikeluarkan oleh Bendahari Cawangan atau Jabatan Bendahari Negeri. Jika terdapat Jbn08 yang baru dihantar oleh wakil pemungut, sistem Bccash akan menghantar notifikasi secara automatik kepada pengguna Bendahari Cawangan atau Jabatan Bendahari Negeri dimana Jbn08 telah dihantar seperti gambar rajah 1.7. Status Jbn08 yang dihantar juga akan terpapar bersama kod Jbn08. Pengguna perlulah menekan pautan pada notifikasi tersebut untuk memaparkan maklumat lengkap Jbn08 yang dihantar.



Gambar rajah 1.7

4. Pengeluaran Resit (Jbn41)

Fungsi Pengeluaran Resit adalah fungsi untuk pengguna menjana resit Jbn41 bagi Jbn08 yang dipilih. Pengguna hanya perlu menekan butang **Keluarkan Resit** bagi meneruskan proses penjanaan resit seperti gambar rajah 1.8. Jika pengguna berjaya mengeluarkan resit, sistem akan memaparkan mesej seperti gambar rajah 1.9.

Informasi Jbn08 PDKB240513

Pemungut: PEJABAT DAERAH KOTA BELUD

Status: Baru

Tarikh: 13/05/2024

Jumlah Amaun: 530.50

Kod Hasil	Tunai	Slip Bank	Online Banking	Jumlah
S00120150801000000000000071501	30.50	0.00	0.00	30.50
S001201508010000000000000071401	500.00	0.00	0.00	500.00

No Slip Bank
456566

Slip Bank
162183.pdf

Celak

Keluarkan Resit

Tukar BC/JBN

Gambar rajah 1.8



Gambar rajah 1.9

Jika resit telah berjaya dikeluarkan oleh pengguna, butang 000090 yang mengandungi no siri resit yang telah didaftarkan akan terpapar pada paparan maklumat Jbn08 seperti gambar rajah 1.11. Butang ini boleh digunakan jika pengguna ingin memaparkan semula maklumat resit Jbn41 atau mencetak semula resit Jbn41 yang telah didaftarkan dibawah Jbn08 ini.

Informasi Jbn08 PDKB240513

Pemungut: PEJABAT DAERAH KOTA BELUD

Status:

Diterima

 Tarikh: 13/05/2024 Jumlah Amaun: 530.50

Kod Hasil	Tunai	Slip Bank	Online Banking	Jumlah
S001201508010000000000000071501	30.50	0.00	0.00	30.50
S001201508010000000000000071401	500.00	0.00	0.00	500.00

No Slip Bank
456566

Slip Bank
162183.pdf

Cetak


000090

Gambar rajah 1.11

Walaupun bagaimanapun, resit Jbn41 yang dipaparkan pada modul ini tidak boleh digunakan sebagai resit rasmi untuk diberi kepada pelanggan. Resit ini hanya boleh digunakan untuk simpanan atau rujukan Bendahari Cawangan atau Jabatan Bendahari Negeri.

MANUAL PENGGUNA

Apabila pengguna menekan butang tersebut, sistem akan membuka tettingkap baru untuk pengguna mencetak semula resit Jbn41 yang telah didaftarkan seperti gambar rajah 1.12. Pengguna hanya perlu menekan butang *Print* untuk meneruskan proses cetakan.



Gambar rajah 1.12

5. Pertukaran Stesen Bendahari Cawangan (BC) / Jabatan Bendahari Negeri (JBN)

Fungsi Pertukaran BC/JBN merupakan fungsi yang dibangunkan bagi membantu pengguna menukar stesen Bendahari Cawangan atau Jabatan Bendahari Negeri Jbn08 yang telah dihantar oleh wakil pemungut. Bagi melakukan proses pertukaran BC/JBN ini, pengguna perlu menekan butang **Tukar BC/JBN** seperti gambar rajah 1.13 dan sistem akan memaparkan paparan seperti gambar rajah 1.14. Pengguna perlulah memilih BC/JBN yang baru seperti gambar rajah 1.15 bagi menggantikan stesen Bendahari Cawangan atau Jabatan Bendahari Negeri yang telah dipilih oleh wakil pemungut.

Informasi Jbn08 PDKB240513

Pemungut: PEJABAT DAERAH KOTA BELUD

Status: Baru

Tarikh: 13/05/2024

Jumlah Amaun: 530.50

Kod Hasil	Tunai	Slip Bank	Online Banking	Jumlah
S0012015080100000000000000071501	30.50	0.00	0.00	30.50
S0012015080100000000000000071401	500.00	0.00	0.00	500.00

No Slip Bank
458566

Slip Bank
162163.pdf

Cetak

Keluarkan Resit

Tukar BC/JBN

Gambar rajah 1.13

Pertukaran BC/JBN

BC/JBNHQ Baru: 306 - SEKSYEN PENGURUSAN DANA (306) ▼

Tutup Tukar

Gambar rajah 1.14

Selepas itu pengguna hanya perlu menekan butang **Tukar** utk mengesahkan pilihan yang telah dibuat. Jika pengguna telah menukar stesen kepada stesen Bendahari Cawangan atau Jabatan Bendahari Negeri yang baru, pengguna semasa tidak akan dapat melihat maklumat Jbn08 yang telah ditukar.

Pertukaran BC/JBN

BC/JBNHQ Baru:

306 - SEKSYEN PENGURUSAN DANA (306)
306 - SEKSYEN PENGURUSAN DANA (306)
101 - SEKSYEN PENGURUSAN DANA (101)
18001 - BENDAHARI CAWANGAN LAHAD DATU
022 - BENDAHARI CAWANGAN KOTA MARUDU
013 - BENDAHARI CAWANGAN KENINGAU
301 - SEKSYEN PENGURUSAN DANA (301)
303 - SEKSYEN PENGURUSAN DANA (303)

tukar

Gambar rajah 1.15